



KEPIMPINAN BERDASARKAN KECERDASAN HATI DALAM ISLAM

Muhammad Khairi Mahyuddin^{1*}

¹Wakil Dekan Fakultas Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

*Corresponding author: muhdkhairi@usim.edu.my

ABSTRACT

Leadership in human life is *Fitrah*. In Islam, leadership is heavy assignment and hard responsibility at now and hereafter. Leadership based on heart is leadership based on tauhid and makrifah. This is Islamic leadership which has been done by Rasulullah, S. A. W, his sahabah, and slaf soleh. They have gotten a glory in leading a ummat on all aspect of human life, building a tamaddun and have a certain character. In this context, leadership in Islami College in Celebes (Sulawesi), were need to inspire. Islamic doctrine can not to be stand up, without leadership of commander which have strategy and structural knowledge. Result of integrated leadership basedn on heart and workship all element of society, Islamic College would be good development and be center to necessity rohani (roh), and jasmani (body).

Keywords: Leadership, Heart, Education, Islamic College.

PENDAHULUAN

Sifat memimpin ialah satu fitrah dan anugerah Allah yang diberikan bagi setiap manusia. Kepimpinan sebagai bakat dan potensi diri untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah Allah dimuka bumi. Setiap manusia tetap menjadi seorang pemimpin sekurang kurangnya memimpin diri sendiri dan ahli keluarganya sendiri. Dalam Islam, terdapat pelbagai istilah arab yang digunakan untuk membincangkan makna, isu dan perihal kepimpinan daripada pelbagai peringkat seperti *khilafah*, *imamah*, *qiyadah*, *zi'amah*, *ri'ayah*, *ria'sah*, *wilayah siyadah* dan *siyasah*.

Kepimpinan ialah satu seni, bakat, proses dan kreativiti. Ia adalah proses yang melibatkan aktiviti mengetuai, keupayaan memimpin, berijtihad, merancang, menguatkuasakan, membimbing, memerintah, menggubal dasar, mengurus, ketanggungan, memandu, menuntun, menunjuk, mempengaruhi, mengajak, mendidik, mengajar masyarakat kearah mencapai matlamat dan kebahagiaan hakiki melalui undang-undang yang diperintahkan oleh Allah. Pemimpin pula dikenali dengan pelbagai istilah dan watak karakter mengikut tingkatan hierarki berdasarkan adat dan amalan masyarakat setempat seperti khalifah, raja, sultan, amir perdana menteri, presiden gabenor, senator, rektor, naib chancelor, ketua kampung, pegawai tinggi, ketua kommander, general, imam, ulama, kiyai dan sebagainya. Apapun istilah-istilah yang diberikan kepada orang yang memimpin menunjukkan bahawa pemimpin dan kepimpinan tidak dapat dipisahkan dalam kitaran kehidupan harian manusia yang berkaitan dengan urusan dunia dan agama.

Pentingnya kepimpinan dalam masyarakat kerana segala urusan agama yang menjadi kewajipan Muslim tidak akan terlaksana dengan sempurna melainkan dengan terurusnya urusan dan pentadbiran keduniaan ditangan pemimpin atau pemerintah. Hal ini jelas disebut oleh Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali (w.1111M) mengatakan bahawa agama dan pemerintah seumpama dua insan kembar. Sesungguhnya segala urusan dan amalan agama tidak terpelihara dan terlaksana melainkan terurusnya urusan dunia secara tersusun. Dan segala urusan dan hal ehwal dunia pula tidak tersusun melainkan daripada usaha kecekapan pengurusan dan

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

kebijaksanaan pemimpin yang memerintah, memimpin, mentadbir dengan baik dan penuh hikmah. Sesungguhnya dunia ini adalah jambatan menuju ke alam akhirat. Kehidupan akhirat didalam syurga adalah kehidupan kebahagiaan abadi.

HUBUNGAN HATI DENGAN KEPIMPINAN

Allah SWT telah mencipta manusia dengan dua unsur: ruhani dan jasmani. Namun, hati sanubari yang bersifat kerohanian merupakan paksi asas, tunjung dan hakikat diri manusia. Hati tersebut dikenali dengan istilah arab sebagai *al-qalb*. Imam al-Ghazzali mendefinisikan hati sebagai *al-latifah al-rabbaniyyah al-ruhaniyah al-alimah al-mudrikah* atau divinely immaterial spiritual intellectual substance. Secara mudahnya, hati merujuk kepada satu entiti kerohanian yang boleh memimpin, memahami hakikat kebenaran dan mempunyai hubungan rapat untuk mengenal dan berhubung dengan Penciptanya. Oleh itu, hati adalah tempat letaknya tawhid, iman, makrifah, taqwa dan hidayah. Manakala badan jasmani merupakan medium dan alat untuk manusia bergerak, bekerja dan melaksanakan segala perintah Allah dimuka bumi. Maka, posisi hati dan badan jasmani dalam kepimpinan seumpama kedudukan seorang raja yang memerintah segala rakyat untuk bergerak kearah kebaikan atau kejahatan. Hal ini sangat jelas dalam hadis Rasulullah SAW

ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح لها سائر الجسد وإذا فسدت فسد لها سائر الجسد ألا وهي القلب

Sesungguhnya didalam hati ada segumpal darah, jika ia baik maka akan baiklah seluruh anggota badan, dan jika ia rosak, maka rosaklah seluruh anggota badan. Maka sesungguhnya ia adalah hati (Ahmad, Musnad Ahmad)

Berdasarkan kenyataan posisi hati oleh Nabi Muhammad SAW, hubungan hati dan kepimpinan adalah sangat jelas wujud dalam menentukan kebahagiaan dan keburukan masa depan manusia, maka kebaikan dan keburukan manusia terletak kepada hal ehwal, perihal keadaan sifat sifat hati yng berada dalam diri sanubari manusia . Hal ini menunjuk kepimpinan

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

daripada kecerdasan hati melibatkan penyucian hati (*tazkiyyah al-nafs*) daripada segala unsur kesyirikan, kekufuran, kemunafikan, hijab dan sifat sifat mazmudah. Imam al-Ghazzali menyatakan bahawa wajib bagi setiap muslim itu mengetahui keadaan hal dan menyucikan hatinya daripada segala kotoran maknawi dan sifat sifat tercela. Hal ini kerana hati adalah asas agama yang mengandungi ajaran segala akidah dan ibadah. Boleh dikatakan bahawa *al-tazkiyyah fi al-qiyadah*.

Jadi sebelum memimpin seorang Muslim mesti mengetahui dan menyedari dengan yakin didalam hatinya bahawa manusia diciptakan oleh Allah untuk menjawat kedudukan khalifah dan hambaNya yang bertanggungjawab pada setiap perlakuan kepada dirinya, masyarakat dan alam. Muslim mesti memahami didalam hati bahawa Allah Penciptanya Yang Alim Hakim telah menganugerahkan sifat kepimpinan dalam dirinya. Allah juga telah memperlihatkan kepadanya melalui kesucian hatinya secara jelas bahawa tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di dunia adalah amanah besar, tanggungjawab dan kesediaan menerima segala akibat dan balasan perlakuan didunia dan akhirat. Nabi SAW bersabda:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْنُونٌ ، فَأَلِإِمَامٌ رَاعٍ وَهُوَ مَسْنُونٌ ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْنُونٌ ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ عَلَى نَيْبِ زَوْجِهَا وَهِيَ مَسْنُونَةٌ ، وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْنُونٌ ، أَلَا فَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْنُونٌ

Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap kamu bertanggungjawab dengan apa yang dipimpin. Maka seorsng Imam adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab, seorang suami pemimpin kepada Alah keluarganya dan dia bertanggungjawab, dan isteri adalah pemimpin yang bertanggungjawab terhadap rumah suaminya. Dan hamba adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada harta tuannya. Sesungguhnya setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin adalah bertanggungjawab (Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari)

Untuk mencapai kebahagiaan diakhirat, maka Muslim yang memimpin dengan hati yang bersih mestilah berpaksikan tawhid kepada Allah, bersendikan syariah dan berakhlak dengan sifat mahmudah. Inilah yang disebut sebagai kepimpinan berdasarkan kecerdasan hati yang sebenar . Allah berfirman

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ
 لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata (al-Jumaah 62:2)

Usaha ini telah pun dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dalam menyeru ummah kepada Allah. Baginda SAW memperkukuhkan akidah dan amalan syariat ummatnya sehingga membuahkan akhlak mulia melalui jalan penyucian hati yang beriringan dengan ilmu dan hikmah. Begitu juga para sahabat dan para tabiin salaf al-solah mencontohi baginda dalam menyeru ummat bukan Islam kepada Allah dan mentarbiyyah ummat Islam seterusnya melalui jalan *tazkiyah al-nafs* sehingga menjadi genarasi rabbani yang telah menyebarkan agama Islam sehingga ke seluruh pelusuk dunia bagi menyahut seruan sebagai khalifah Allah. Allah berfirman,

قُلْ هَذِهِ سَبِيلِي أَدْعُو إِلَى اللَّهِ عَلَىٰ بَصِيرَةٍ أَنَا وَمَنِ اتَّبَعَنِي وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Katakanlah (wahai Muhammad): "Inilah jalanku, aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada agama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas nyata. Dan aku menegaskan: Maha suci Allah (dari segala iktiqad dan perbuatan syirik); dan bukanlah aku dari golongan yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain (Yusuf 12:018)

KEPIMPINAN RABBANI

Kepimpinan berteraskan kecerdasan hati dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat baginda boleh disebut sebagai kepimpinan rabbani. Baginda SAW berjaya membangunkan kepimpinan hati para sahabat beliau sehingga Islam dapat sampai ke nusantara ini. Contohnya kepimpinan Abu Bakar, Abdallah bin Abi Quhafah al-Siddiq (w. 634M), beliau di bukakan matahati hati memahami keingkaran golongan tidak membayar zakat sebagai pengingkaran yang perlu diperangi dan pengumpulan al-Quran dalam satu mashaf setelah ramai para huffaz mati syahid dalam perang al-yamamah supaya al-Quran kekal menjadi kitab hidayah kepada generasi sekarang. Bagitu juga kepimpinan Saiyidina Umar B al-Khattab (w.644M) yang dijernihkan hatinya untuk melakukan pembaharuan dalam Islam. Beliau berjihad memulakan kalender taqvim tarikh Hijrah Islam bagi ummat Islam, penubuhan bayt al-mal untuk menguruskan perbendaharaan negara, dan pembukaan kawasan baharu seperti mesir Parsi dan lain- lain dengan tentera yang mempunyai kualiti hati yang dipenuhi iman, taqwa dan ikhlas .

Namun begitu, cabaran kepimpinan turut berubah dengan berubahnya pemimpin yang memerintah. Setelah zaman kepimpinan khalifah al-rashidin telah berlalu, dan uimmat Islam dipimpin oleh silih berganti khulafa Islam. Maka kehidupan ummat Islam turut berubah diwarani dengan pelbagai lingkaran sejarah suka dan duka, kegemilangan dan kemunduran, kesolehan dan ketolehan dan akhirnya di selubungi dengan pelbagai penyakit hati seperti cinta dunia, khianat, dengki, dendam dan lain-lain yang mengakibatkan belaku peperangan, pepecahan ,kemunculan ideologi dan kefanatikan mazhab sehingga munculnya kelemahan dan penjajahan musuh didalam negara negara Islam.

Untuk memelihara agama Islam tetap utuh dimuka bumi ini, membangunkan semula ummat Islam, maka dengan rahmat dan kurniaan Allah, maka Allah telah menzahirkan para mujaddid dikalangan hambanya menyelamatkan ummat Islam daripada krisis kepimpinan yang berteraskan hawa nafsu dan kebendaan. Nabi SAW memberi isyarat dalam hal ini,

إِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ لِهَذِهِ الْأُمَّةِ عَلَى رَأْسِ كُلِّ مِائَةٍ سَنَةٍ مَنْ يُجَدِّدُ لَهَا دِينَهَا

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

Allah membangunkan bagi ummah ini pada setiap permulaan seratus tahun, orang yang akan mentajdidkan bagi ummat urusan agama mereka (Abu Daud, Sunan Abi Daud)

Menurut pengamatan sejarah kebangkitan Islam, Majdi Irsan Kaylani berpandangan bahawa dua ulama rabbani Islam yang dilihat berperanan besar telah mengembalikan semula kepimpinan berteraskan hati melalui jalan kepimpinan pendidikan dan tarbiyyah ruhaniyyah iaitu Abu Hamid Muhammad b Muhammad al-Ghazzali (w.1111M) dan Shaykh Abdul Qadir al-Jilani (w.1166M) . Kedua dua tokoh ini dilihat telah menyusun semula formula-formula kepimpinan berteraskan hati secara tersusun dan terpadu dari al-Quran, Sunnah, perjalanan para sahabat dan salaf soleh. Usaha mereka menganalisa segala krisis, penyakit ummat dan perskripsi penyembuhan penyakit ummat, maka terhasilah rumusan, pendekatan, ajaran yang mantap dan tersusun untuk diikuti oleh ummat.

Imam Ghazzali dilihat sebagai mujaddid, reformer yang menyusun semula kekuatan kepimpinan berteraskan penyucian hati ummat Islam. Beliau mendidik secara berpadu *tazkiyyah al-nafs* yang beriringan dengan pengukuhan akidah, shariat, akhlak, adab, muamalah, *al-amar b alma'ruf wa al-nahy an al-munkar* dan kaedah *tazkiyyah al-nafs*. Antara usaha dan karangan beliau yang diktiraf oleh para ulama Islam ialah kitab *m* yang membicarakan *tazkiyyah al-nafs* bertunjangkan akidah, bersendi sahariah, membuahakan akhlak mahmudah. Kemudian kitab kepimpinan pemimpin yang berteraskan penyucian hati dan ikatan hati kepada Allah iaitu *al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-Muluk* dan *sir al-alamn wa kashf ma fi al-darayn*. Kitab-kitab tersebut memberi pertunjuk dan garis panduan kepada para pemimpin untuk menjaga hubungan dengan Allah dan masyarakat secara seimbang berpaksikan akidah benar, pengamalan shariah, dan akhlak mahmudah. Dengan cara ini pemimpin beroleh kemenangan dan kejayaan dari Allah dalam mengharungi liku liku kepimpinan, cabaran dan dugaan hidup.

Begitu juga dengan usaha Shaykh Abdul Qadir al-Jilani. Beliau juga dipengaruhi oleh ajaran al-Ghazzali dalam sistem kerohanian dalam kitabnya *Al-Ghunya li-Talibi Tariq al-Haq*. Namun usaha mujahadah beliau telah mencapai tahap kerohanian yang tinggi, diktiraf oleh para

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

ulama salah sezaman dan selepasnya. Akhirnya menjadi murabbi ummah dalam menyembuhkan penyakit kerunahian, krisis akidah dan akhlak dikalng masyarakat dan pemimpin. Beliau menjadi rujukan ummah dalam kelimuan, tarbiyyah dan mujahadah dalam penyelesaian secara hikmah masalah ummat Islam. Beliau sendiri telah menubuhkan pusat pengajian iaitu madrasah Qadiriyyah, asrama penginapan dan yang mempunyai perpustakaan sendiri yang memuatkan pelbagai khazanah kitab-kitab di Baghdad, dikenali sebagai perpustakaan Qadiriyyah. Beliau menerapkan dua metode utama: pertama, penerapan ilmu dan pertarbiahan rohani secara sistematik. Kedua memberi pengajian umum kepada masyarakat

Usaha dan pendekatan Imam al-Ghazzali dan shaykh Abdul Qadir al-Jilani dilihat saling melengkapi dan merentasi sempadan perbezaan mazhab. *Tazkiyyah al-nafs* ini menjadi titik pertemuan ummat Islam dalam beramal dan mendekati diri kepada Allah tanpa dibatasi perbezaan latarbelakang dan mazhab anutan. Semuanya mendapat manfaat besar dari *tazkiyah al-nafs* anjuran kedua dua tokoh ini. Sehingga tokoh ulama lain yang berpengaruh kepada sebahagian ummat Islam sekarang, Taqi al-Din Ahmad ibn Taymiyyah (w1328M), turut memperakui kepentingan *tazkiyyah al-nafs*. Beliau sendiri banyak merujuk nasihat, pendekatan dan mengkagumi ajaran Shaykh Abdul Kadir al-Jilani sehingga mengarang sebuah kitab mensyarahkan ajarannya iaitu *Sharh Futuh al-Ghayb*.

Hasil asuhan dan pengaruh besar madrasah rabbaniyyah al-Ghazzaliyyah dan madrasah rabbaniyyah al-Qadiriyyah yang tersusun dan berpadu, mereka berjaya mencetak generasi terkemudian menjadi pemimpin–pemimpin agung dan berpengaruh yang boleh menyelamatkan ummah dan memandu ummah kepada keredaan Allah. Melalui pengaruh dan jasa mereka juga memberi kesan kepada kepimpinan di alam nusantara kita juga.

Menurut pengamatan Majid Irsan Kaylani, kebanyakan pemimpin terkemudian sebenarnya berterima kasih kepada kedua-dua tokoh tersebut. Hasil perjuangan dan pendidikan tarbiyyah kepimpinan berteraskan *tazkiyah al-nafs*, maka tercetaklah ramai pemimpin besar yang mempunyai peribadi dan akhlak mahmudah, ketaqwaan dan akidah yang kukuh kepada Allah. Mereka berjaya memimpin, menasihati, menegur para pemimpin dan masyarakat serta berjihad

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

membebasakan ummat Islam dari cengkaman penjajahan musuh. Mereka diasuah oleh guru guru mereka dengan sentuhan Imam al-Ghazzali dan Shaykh Abdul Qadir al-Jilani. Tokoh pemimpim-pemimpin agung rabbani yang lahir daripada pengaruh mereka adalah seperti Abu Abd Allah Muhammad Ibn Tumart (w. 1130M), Nuruddin Mahmud Zanki (w.1174M), Salahuddin al-Ayyubi (w. 1193M), Muhammad al-Fatih (w.1481M), Saifuddin Qutuz (w.1260M), Sultan Salim 1 (w.1512M), Sultan Sulaiman1(w.1566M) dan lain lain. Mereka telah berjaya merubah kemunduran ummat melalui jihad sebenar yang berpaksi *tazkiyyah al-nafs*, memelihara akidah ummah, shariah Islam terlaksana, maruah, keturunan dan harta masyarakat Islam.

Kesan madrasah rabbaniyyah al-Ghazzaliyyah dan madrasah al-Qadiriyyah turut mempengaruhi kepimpinan rabbani tokoh-tokoh pemimpin Nusantara di Indonesia dan Sulawesi khususnya samaada sedar atau tidak, secara langsung atau tidak tanpa dibatasi dengan perbezaan organisasi , aliran mazhab dan perjuangan. Hal ini kerana setiap pemimpin hebat pasti ada baginya guru pembimbing yang mentarbiah samaada disebut dalam lipatan sejarah atau tidak. Hal ini kerana ciri ciri perjuangan, kepimpinan adan semangat mereka sama dengan pemimpin-peimimpin rabbani lain di dunia Islam seperti Yusuf Abul Mahasin Tajul Khalwati Al-Makasari Al-Bantani (w.1699M),Sultan Hasanuddin (w.1670M), Bendara Pangeran Harya Dipanegara (w1855M) Shaykh ShayAbdul Samad al-Falimbami (w1789M), Muhammad Nafis al-Banjari (w1812M), Ahmad Khatib al-Sambas (w.1875M) Muhammad Nawawi Bantani (w. 1897M), KH Mohammad Hasyim Asy'ari (w1947M) , Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampesi (w.1952M), Kh. Abdul Rahman Ambo Dalle (w1996M) dan lain lain lagi. Tokoh–tokoh ulama nusantara ini telah dibuka mata hati mereka memimpin ummah dan berjihad menentang penjajah untuk menjadikan negara Indonesia merdeka dan membangun negara bersama adat baik masyarakat yang bersendikan agama Islam yang tinggi dan mulia.

Malah terdapat bukti kesan dominasi asuhan Imam al-Ghazzali sangat jelas dalam dalam karangan mereka seperti *Siyar al-Salikin* oleh Shaykh Abdul Samad al-Falimbani, *al-Durr al-Nafis* oleh Muhammad Nafis al Banjari, *Maraqi al-Ubudiyyah Syarh Matan Bidayah al-Hidayah* oleh Muhammad Nawawi Bantani, *Siraj al-Talibin sharh minhaj al-'Abidin* oleh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampesi. Bahkan banyak pasantren yang wujud di Indonesia mempelajari kitab kitab karangan Imam al-Ghazzali.

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

Selain daripada pengaruh Imam al-Ghazzali, pengaruh Shaykh Abdul Qadir al-Jilani turut dominan dalam bidang kerohanian, makrifah, ilmu hikmah, mempertahankan diri dan lain- lain. Ramai tokoh tokoh kerohanian daripada golongan kiyai kiyai dan para ulama Islam di Indonesia mempunyai hubungan pertalian kerohanian yang erat dengan Shaykh Abdul Qadir al-Jilani seperti Shaykh Hamzah al-Fansuri (w1607M), Shaykh Tolhah b Tolabuddin (w1935M), Shaykh Abdullah Mubarak (w1956M), KH Tubagus Muhammad Falak (w1972M), Shaykh Ahmad Shahib al-Wafa (w2011M) dan lain lain lagi. Mereka berusaha mengislahkan masyarakat melalui sistem kepimpinan pasantren secara berorganisasi dan bebas dari unsur yang mengongkol mereka untuk melaksanakan ajaran Islam. Mereka adalah pemimpin ilmu, ruhani, sosial dan administartif. Bahkan mereka adalah tokoh kontemporari yang sangat berpengaruh dalam membentuk peribadi, ruhani, mental dan fizikal bukan hanya kepada pelajar (santri) tetapi keseluruhan masyarakat untuk menjadi insan Rabbani dan madani. Para pelajar (santri) setelah menamatkan didikan dengan didikan rabbani samaada dipasantren atau sekolah tinggi agama Islam, mereka pula menjadi pemimpin dalam masyarakat untuk menjawat pelbagai jawatan penting dalam pentadbiran negara, organisasi dan masyarakat.

KEPENTINGAN *TAZKIYYAH AL-NAFS* DALAM SEKOLAH TINGGI AGAMA ISLAM

Kepentingan *tazkiyyah al-nafs* dalam pendidikan dan kepimpinan Islam diakui benar oleh ramai ulama seperti Junayd al-Baghdadi (w.909), Abu Talib al-Makki (w. 996M), Abd al-Karim ibn Huzan Abu al-Qasim al-Qushayri(w.1073M), Abu Hamid Muhammad Al-Ghazzali (w.1111M), Abdul Qadir al-Jilani (w.1166M), Ahmad Ibn Taymiyyah (w1328), Muhammad ibn Abu Bakar Ibn Qayyim al-Jawzy (w1330M). Seperti dikata bahawa amalan *tazkiyyah al-nafs* menjadi titik pertemuan perpaduan ummah, persaudaraan ukhuwah menghilangkan perbezaan perselisihan kefanatikan mazhab, organisasi, aliran perjuangan. Kerana *tazkiyyah al-nafs* adalah suruhan Allah dan Rasul yang jelas dalam al-Quran dan Sunnah. Bahkan *tazkiyyah al-nafs* merupakan nadi kekuatan sebenar ummat Islam dari segi akidah, shariah dan akhlak serta mampu membangunkan negara. Jika lemah *tazkiyyah al-nafs*, maka lemahlah aspek –aspek yang lain.

Tazkiyyah al-nafs ini tidak terhasil melainkan dengan beberapa amalan seperti *tarbiyyah*, *mujahadah* dan *riyadah* yang berdasarkan pengamalan syariah Islam dan Sunnah Rasullullah

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

SAW serta ritual kerohanian seperti zikir, membaca al-Quran, puasa, sedekah,, solat, doa , qiyam al-layl , selawat dan lain lain dengan ikhlas dan penuh taqwa. Segala perbezaan pendekatan *tazkiyyah al-nafs* yang dipraktikkan merupakan rahmah dan keluasan beramal selagimana masih dalam lingkungan cahaya al-Quran dan Sunnah Rasulullh SAW. Allah berfirman,

قَدْ عَلِمَ كُلُّ أُنَاسٍ مَشْرَبَهُمْ كَلُوا وَاشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing. (Dan Kami berfirman): "Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi" (al-bBaqarah 2:60)

Allah berfirman lagi,

فَلَنْ يَعْمَلَ عَلَى شَاكِلَتِهِ فَرَبُّكُمْ أَعْلَمُ بِمَنْ هُوَ أَهْدَى سَبِيلًا

Katakanlah (wahai Muhammad): "Tiap-tiap seorang beramal menurut pembawaan jiwanya sendiri; maka Tuhan kamu lebih mengetahui siapakah (di antara kamu) yang lebih betul jalannya (al-Isra' 17:84)

Nabi SAW bersabda:

إن شريعتي جاءت على ثلاثمائة وستين طريقة، ما سلك أحد منها طريقة إلا نجا

Sesungguhnya Shariat aku mengandungi tiga ratus enam puluh jalan. Tiada seorang yang mengikut salah satu daripadanya melainkan dia juga berjaya (al-Tibrani)

Dalam arus kemodenan ini, *tazkiyyah al-nafs* masih diperlukan sebagai asas kejayaan organisasi pentabiran Sekolah Tinggi Agama Islam . Justeru itu, Sekolah Tinggi Agama Islam (STAI) al-Mawaddah warrahamah dilihat mampu meningkat taraf kepada Institut Agama Islam Negeri dan seterusnya keperingkat Universiti Islam Negeri. Dalam usaha murni memperkembangkan STAI ini, maka semua pihak mestilah memainkan peranan secara kolektif dan komplementari. Barisan kepemimpinan tertinggi STAI pensyarah (dosen) dan semua staf administratif perlu menghayati falsafah ilmu Islam, adab adabnya, matlamat yang jelas, dan konsep ubudiyah dalam kehidupan berdasarkan *tazkiyyah al-nafs*. Sifat sifat asas kepimpinan seperti ilmu kepimpinan, professionalisme dan cara pentadbiran mestilah dimantapkan dan

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

disertai dengan pelaksanaan yang tersusun, berorganisasi dan berdokumentasi. Sifat sifat mahmudah seperti beramal, kuat, benar, amanah, muraqabah, adil, ikhlas, syura, muwafaqah, istikharah dan tawwakal mestilah diterapkan dengan istiqamah dan sentiasa melakukan muhasabah. Manakala sifat- sifat mazmumah seperti khianat, hasad dengki, malas, pengurusan pentadbiran dan kewangan yang tidak tersusun dan terancang, kecuaiian dan lain-lain lagi akan merosakkan, membantut kemajuan dan perkembangan Sekolah Tinggi Agama Islam. Selain itu, pengisian silibus pengajian, pendekatan penyampaian, pengukuhan bahasa-bahasa ilmu, aktiviti pelajar, perhubungan ilmiah dengan institusi setempat dan antarabangsa dan lain lain lagi, perlu dipertingkatkan dan kemas kini.

Hasil pentadbiran dan kepimpinan yang tersusun yang berteraskan *tazkiyyah al-nafs* akan melahirkan para pelajar (santri) yang turut mempunyai *tazkiyyah al-nafs* yang boleh memimpin masyarakat, membangunkan ekonomi, sosial, dan ketenteraan dengan seimbang dan cemerlang serta penuh barakah. Tanpa *tazkiyyah al-nafs* semua amalan dan usaha tidak akan berhasil dengan jayanya bahkan akan menjadi rosak binasa, kurang barakah dan menuju kemusnahan. Pendidikan tanpa *tazkiyyah al-nafs* turut diakui oleh barat sebagai gagal kerana para pelajar keluaran universiti Barat gagal mengaplikasikan ilmu kepada masyarakat, individualistik, materialistik, hilang akhlak walaupun mereka telah mencapai kebijaksanaan dan kajian yang tinggi. Perkara ini diakui oleh Professor Harvard Harry Lewis dalam bukunya *Excellance Without a Soul: Does Liberal Education have a Future?*

Dalam hal ini kita tidak perlu merendah diri dengan Barat kerana kita diberi nikmat Islam yang mengajar kita mengenai konsep peranan hati dan konsep kepimpinan berdasarkan hati untuk berjaya. Justeru itu, untuk mencapai kejayaan cemerlang, Islam menggalakkan kita merancang, berkerja bersungguh sungguh, taat kepada pemimpin, berbincang, merancang, mengambil sebab dan musabbab, memikirkan risiko yang bakal terjadi, berijtihad mencari penyelesaian masalah sebagai wasilah untuk berjaya tanpa kita melupai untuk menyertakan semua perkara tersebut dengan iringan doa, tawakkal dan kebergantungan hati kita kepada pertolongan, kurniaan, rahmat, taufik dan hidayah Allah. Hal ini selaras dengan kata kata ulama, mentadbir itu sebahagian urusan kehidupan (*al-tadbir nisf al ma'ishah*)

Islam juga tidak melarang kita menjawat jawatan tertinggi, menerima gaji bulanan, harta, pujian, mengumpul dana untuk membesarkan bangunan dan fasiliti, pengkitirafan, menggunakan

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

teknologi moden terkini, dan lain- lain lagi, selagi mana ia dilihat sebagai wasilah bukan matalamat utama. Hati melihat segala kurniaan tersebut sebagai alat yang boleh membantu melaksanakan tugas mendidik dan memimpin dengan jayanya beserta hati bersifat penuh syukur dan reda dengan nikmat Allah. Tanda seorang itu bersyukur ialah apabila menerima nikmat, maka dia semakin taat dan berterima kasih dengan memanifestasikan kesungguhan kerja yang dipimpin kepada Allah melalui jalan yang diredai. Kehidupan didunia ini perlu cemerlang dan bahagia untuk mencapai kecermerlangan dan kebahagiaan abadi di alam akhirat melalui pendidikan dan kepimpinan yang berteraskan *tazkiyyah al-nafs*.

Oleh itu, kepimpinan berteraskan kecerdasan hati adalah penting kepada semua pihak masyarakat, organisasi dan pengajian Sekolah Tinggi Agama Islam di Sulawesi Tenggara ini khasnya di Kolaka bagi memastikan segala usaha kita berhasil dan mendapat keredaan Allah serta menjadi amalan ibadah yang diterima oleh Allah Taala.

DAFTAR PUSTAKA

Al-Quran

Abu Daud, Sulayman b al-Ash'ash al-Sijistani. 2001, Sunan Abi Daud. Dar al-Ma'rifat: Beirut

Ahmad b Hanbal, Musnad al-Imam Ahmad b Hanbal.2008. Dar al-Kutub al-
'Ilmiyah: Beirut

Al-Bukhari, Abu Abdullah b Muhamma.t.t Sahih al-Bukhari. Dar Ibn Kathir: Beirut

Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad b Muhammad 1995. Ihya ulum al-Din. Dar al-Fikr: Beirut

Al-Ghazzali, Abu Hamid Muhammad b Muhammad 1988. al-Tibr al-Masbuk fi Nasihat al-
Muluk. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyh:Beirut

Al-Sha'rani, Abd al-Wahhab. 1995.al-Mizan al-Kubra Dar al-Fikr. Beirut

Al-Suyuti , Abd al-Rahman ibn Abi Bakr.2012. Tarikh al-Khulafa' . Dar al-Minhaj: Jeddah

Julian Mille dan Shihabuddin.2005. Addendum to Drewes: the Burda of al-Busayri and the
Miracles of Abdul Qadir al-Jialani in the West Java. Dalam Bidragen Tot Dde Taal: Land en
Volkekkai de.Vol 6.161.no 1ms 98-126

Jurnal Teknologi Pendidikan Madrasah. 1(1): 1-8

Majid Irsan Kaylani.20020. Kebangkitan Generasi Salahuddin dan Kembalinya al-Aqsa ke Pangkuan islam.Thiknkes's Library Sdn Bhd: Selangor.